

Gempar jumpa ikan yu paus

Sinar Harian 18/8/2019 M/S 35

**Ikan seberat
5 tan ditemui
nelayan hanyut
dekat jeti**

NUR ALINA HASSAN

MUAR

Penemuan seekor ikan besar di perairan Tanjung Tohor pagi semalam dikenal pasti merupakan spesies rhincodon typus atau yu paus.

Ketua Perikanan Daerah Muar, Mohd Faris Adnan berkata, ikan yang didakwa semakin pupus itu ditemui hanyut oleh sekumpulan nelayan pada jarak kira-kira tujuh batu nautika dari Jeti Pangkalan Parit Jawa di sini.

Katanya, ikan yu paus



Faris (tengah) bersama unit Perlindungan Sumber Batu Pahat memeriksa Ikan yu paus yang terdampar di pesisiran pantai berhampiran Jeti Pangkalan Nelayan Parit Jawa, Muar semalam.

seberat kira-kira lima tan itu dibawa ke Pusat Penyelidikan Dan Ekosistem Marin (TUMEC) Rantau Abang semalam bagi proses bedah siasat.

“Di pihak Unit Perlindungan Sumber Batu Pahat pula, mereka akan membuka kertas siasatan bagi mengetahui punca kematian termasuk maklumat

lengkap berkaitan umur, jantina dan saiz sebenar yu paus ini.

“Setakat ini, kita anggar saiz panjang adalah enam meter dan selebar

hampir dua meter. Kita masih belum mengenal pasti jantina ikan ini,” katanya ketika ditemui pemberita di Jeti Pangkalan Nelayan Parit Jawa, di sini.

Menurut Mohd Faris, pihaknya dimaklumkan oleh TUMEC bahawa ikan tersebut terbabit akan diawet sebaik selesai proses bedah siasat.

“Yu paus merupakan antara spesies terancam dan berkemungkinan besar ia sesat di perairan di sini berikutan lokasi ini bukan habitatnya.

“Justeru, saya menasihati para nelayan sekiranya menemui spesies hidupan laut yang aneh untuk segera menghubungi pihak agensi berkaitan.

“Jangan bertindak melulu jika ia masih bernyawa kerana mereka boleh didakwa di bawah akta berkaitan,” katanya.